

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

2023

HARI SELASA : 21 MAC 2023

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN

TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah program-program intervensi, kesedaran dan pemulihan yang dilaksanakan di dalam penjara kepada penagih-penagih dadah yang telah dipenjarakan serta berapakah jumlah penagih-penagih yang mendapat manfaat program tersebut bagi tempoh 2022 hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan program pemulihan dan koreksional ke atas banduan yang terlibat dengan kesalahan dadah yang dikenali sebagai Program Pembangunan Insan (PPI). Di bawah program ini, terdapat tiga (3) sub-modul yang dikhususkan sebagai alternatif pemulihan kepada penagih dadah iaitu Program *Therapeutic Community* (TC), Program Halaqah dan Program HUNT (*Help Yourself, No Suffer No Tears*).

Program *Therapeutic Community* (TC) adalah merupakan modul yang menggunakan pendekatan modifikasi tingkah laku, emosi dan psikologi, intelektual dan spiritual serta vokasional dan kemahiran. Program TC ini melibatkan Pegawai Psikologi dan Pegawai Penjara yang telah mengikuti kursus TC.

Program Halaqah pula merupakan langkah pemulihan alternatif yang dibentuk untuk banduan yang beragama Islam. Program ini memberi tumpuan terhadap pembelajaran serta latihan amali, ilmu agama dan kerohanian. Program ini dikendalikan oleh Pegawai Hal Ehwal Islam (Kader Jabatan Kemajuan Islam Malaysia - JAKIM) dan juga pegawai penjara dari Bahagian Agama dan Kaunseling Penjara.

NO SOALAN: 10

Bagi mereka yang bukan beragama Islam, Jabatan Penjara Malaysia juga mengambil inisiatif dengan menjemput penceramah-penceramah yang dilantik mengikut pegangan agama dan kepercayaan masing-masing untuk turut sama terlibat dalam aktiviti keagamaan di setiap institusi penjara.

Manakala program HUNT (*Help Yourself, No Suffer No Tears*) pula bertujuan untuk menggerakkan tahap perubahan (daripada tiada niat untuk melakukan perubahan kepada niat untuk melakukan perubahan). Program ini juga dikendalikan oleh Pegawai Psikologi dan Pegawai Penjara dari Unit Pemulihan yang telah dilatih dan dikhurusukan di setiap institusi masing-masing.

Berdasarkan rekod Jabatan Penjara Malaysia, bagi tahun 2022 sehingga kini terdapat seramai 63,429 banduan/ pesalah dadah yang telah didaftarkan untuk menjalani hukuman dan pemulihan koreksional di penjara serta mereka yang telah mendapat manfaat daripada program tersebut.

Kementerian Dalam Negeri bersama Jabatan Penjara Malaysia sedar bahawa antara fungsi dan konsep sesebuah penjara adalah bertujuan untuk membangunkan semula insan dan mengintegrasikan golongan tersebut semula ke dalam masyarakat. Justeru itu, usaha terus diperluaskan oleh Jabatan Penjara Malaysia dengan pelbagai pihak agar program pemulihan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN
MOHAMAD
TARIKH : 21 MAC 2023

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menarik minat pelabur yang berasaskan kenderaan elektrik (EV) dan bateri untuk kenderaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk membangunkan ekosistem industri kenderaan elektrik (EV) secara menyeluruh bagi mewujudkan satu suasana perniagaan yang kondusif untuk menarik minat pelabur yang berasaskan EV dan bateri untuk kenderaan tersebut ke Malaysia.

Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 17 Februari 2023, Pasukan Petugas EV Kebangsaan (*National EV Task Force – NEVTF*) bertanggungjawab untuk menilai dasar semasa, memantau pelaksanaan program dan inisiatif serta merangka dasar dan inisiatif baharu berkaitan pembangunan industri EV dalam negara secara menyeluruh. NEVTF ini diketuai oleh MITI dan diwakili oleh pelbagai Kementerian, agensi Kerajaan dan pihak industri yang berkaitan sebagai pendekatan menyeluruh jentera Kerajaan (*whole of Government*) untuk membentuk sinergi kerjasama antara satu sama lain bagi merancakkan pembangunan EV dan ekosistemnya berdasarkan portfolio masing-masing.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menarik pelabur dalam aktiviti pengeluaran EV dan bateri EV adalah seperti berikut:

- (a) Menawarkan pengecualian cukai pendapatan sehingga 100% bagi tempoh sehingga 10 tahun kepada syarikat pengeluar EV dan komponen kritikal berkaitan seperti bateri EV;

NO SOALAN: 11

- (b) Menawarkan pengecualian sepenuhnya duti import ke atas komponen yang diimport bagi tujuan pemasangan tempatan EV, pengecualian duti import bagi EV diimport, pengecualian duti eksais ke atas EV yang dipasang tempatan atau diimport, serta pengecualian cukai jualan ke atas EV yang dipasang tempatan. Tempoh pengecualian bagi EV dipasang tempatan adalah mulai 2022 sehingga 2027, manakala EV import adalah sehingga 2025; dan
- (c) Menambah baik kelayakan peruntukan Lesen Import bagi memberi fleksibiliti ke atas kuantiti pengimportan EV dalam bentuk *Completely Built Up* (CBU) bagi tujuan kajian pasaran pra-pemasangan (*Market Research Pre-Assembly* - MRA) sebelum syarikat menjalankan aktiviti pemasangan secara tempatan;

Bagi menyokong ekosistem industri pengeluaran EV dan bateri EV, Kerajaan turut mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (a) Pembangunan standard-standard berkaitan industri EV oleh *Malaysia Automotive, Robotic and IoT Institute* (MARii) dan Jabatan Standard Malaysia seperti sistem pengecasan, aktiviti pelupusan bateri, *battery swapping*, *wireless charging* dan lain-lain bagi memastikan teknologi EV yang digunakan dan dibangunkan dalam negara ini adalah lebih seragam, selamat dan berkualiti;

NO SOALAN: 11

- (b) Pembangunan bakat dan tenaga mahir oleh MARii bagi memenuhi keperluan sumber manusia untuk menyokong industri EV dan ekosistemnya, melalui kerjasama antara syarikat pengeluar EV dengan institusi pengajian tinggi; dan
- (c) Penambahbaikan ke atas prosedur sedia ada bagi memudahcara proses pembangunan stesen pengecasan EV.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yakin dengan langkah-langkah ini Malaysia akan dapat menarik pelaburan berkualiti bagi membantu membangunkan industri EV secara menyeluruh termasuk dalam aktiviti pengeluaran EV dan bateri EV. Bermula tahun 2018 sehingga kini, jumlah pelaburan terkumpul bagi aktiviti pengeluaran EV dan ekosistemnya telah mencapai nilai sebanyak RM14.7 bilion. Baru-baru ini, MITI telah meluluskan Lesen Import kepada syarikat pengeluar global EV, TESLA, yang berminat untuk memasuki pasaran Malaysia dan melihat peluang-peluang pelaburan di masa hadapan termasuk pemasangan “*Super Charging EV*”, membina *Experience Centre* dan aktiviti pengilangan tertentu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 21 MAC 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan pendapatan rakyat yang terbeban dengan kenaikan kos sara hidup yang semakin menekan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peningkatan pendapatan rakyat merupakan salah satu fokus utama Kerajaan dalam Belanjawan 2023. Kerajaan akan terus menggalakkan majikan sektor swasta untuk menggaji pekerja dengan nilai yang lebih tinggi. Kerajaan melalui PERKESO akan memberikan insentif sehingga RM600 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada majikan-majikan yang menggaji graduan TVET serta golongan mudah terjejas seperti OKU, bekas banduan serta penganggur tegar.

Kerajaan juga akan membantu anak muda meningkatkan keupayaan dan kemahiran (*upskilling*) demi memastikan mereka lebih berdaya saing dan mampu meraih gaji yang lebih setimpal. Melalui usaha ini Kerajaan akan menanggung bayaran latihan sehingga RM4,000 untuk pekerja gig menyertai program peningkatan kemahiran *micro credentials* serta turut menyediakan elau sebanyak RM300 bagi tempoh 3 bulan bagi mengantikan pendapatan mereka sementara mereka menjalani latihan.

Antara inisiatif lain adalah dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia termasuk 35,000 tawaran pekerjaan kepada lepasan sekolah dan graduan yang akan diterajui oleh Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan. Kerajaan juga akan meneroka lebih banyak peluang kerjasama awam swasta dalam menghasilkan graduan-graduan TVET yang memenuhi keperluan industri. Pada tahun ini, Kerajaan menyasarkan sebanyak 50 buah syarikat untuk mengambil alih sebahagian atau sepenuhnya operasi institusi TVET seperti kolej

NO SOALAN: 12

komuniti, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) bagi menyediakan program latihan yang memenuhi keperluan mereka sekaligus memberikan gaji yang lebih setimpal kepada graduan.

Kepada penjaja kecil dan peniaga yang ingin memulih atau mengembangkan perniagaan mereka, Kerajaan turut menyediakan skim pinjaman mikro kredit di mana peruntukan sebanyak RM350 juta telah tersedia di bawah Bank Simpanan Nasional.

Menerusi langkah pengurangan kadar cukai sebanyak 2 mata peratusan bagi 3 banjaran pendapatan bercukai (pendapatan bercukai daripada RM35,001 sehingga RM100,000) dijangka dapat menambah pendapatan boleh guna golongan M40 sehingga RM1,300 setahun. Pendapatan ini dapat membantu dalam meminimumkan beban kos sara hidup rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS

TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah fokus Kementerian kepada pengembangan model ekonomi gig bagi pekerja mendapat bimbingan dan pembiayaan mikro kredit untuk mengembangkan perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sentiasa menyokong ekonomi gig yang pesat berkembang terutamanya selepas penularan pandemik COVID-19. Antara usaha yang dilaksanakan oleh KUSKOP bersama agensi ialah:
 - (i) INSKEN telah menyediakan **program bimbingan** bagi membantu usahawan mengembangkan perniagaan dan terbuka kepada semua usahawan termasuk perniagaan berteraskan ekonomi gig. Pada tahun 2022, INSKEN telah melatih **8,675 orang usahawan** yang merangkumi modul-modul meliputi pengurusan kewangan, perancangan perniagaan, kursus pemasaran secara fizikal dan dalam talian serta pengurusan komunikasi;
 - (ii) TEKUN Nasional telah melaksanakan **program pembiayaan mikro kredit** bagi tujuan pengembangan perniagaan khusus untuk perniagaan berteraskan ekonomi gig iaitu **TEKUN Mobilepreneur**. Program tersebut bertujuan untuk membantu mereka yang diberhentikan kerja dan juga menyediakan peluang pekerjaan kepada para belia. Sehingga Disember 2022, TEKUN Nasional telah membiayai **seramai 6,429 usahawan** dalam bidang perkhidmatan penghantaran dengan pembiayaan **berjumlah RM58 juta**. Pelaksanaan program ini akan diteruskan pada tahun 2023 dengan peruntukan berjumlah **RM10 juta** yang dijangka akan

memberi manfaat kepada 1,000 orang usahawan dengan tumpuan di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi;

- (iii) Bank Rakyat juga menyediakan pelbagai program pembiayaan yang menepati keperluan ekonomi gig seperti:
- Pembiayaan Mikro;
 - Program Pembiayaan BR Flex-i;
 - Program Pembiayaan Rakyat2E;
 - Program Pembiayaan Mikro Penjaja & Peniaga Kecil (MPPK) 2.0 ;
 - Program RAKYATpreneur 4.0; dan
 - Program Bank Rakyat UNIpreneur 3.0.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN

TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan mengkaji semula struktur gaji minimum negara kini kepada "living wage" sebagaimana yang disarankan di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Tegar dan lonjakan paradigma apabila paras gaji minima kini telah mencapai RM1500.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan daripada Yang Berhormat Senator berkaitan mengkaji semula gaji kehidupan wajar dengan izin “*living wage*” adalah satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, ianya memerlukan kajian mendalam selaras dengan situasi ekonomi dan perburuhan semasa.
2. Kerajaan dalam usaha untuk meneliti cadangan daripada Bank Negara Malaysia berkaitan gaji kehidupan wajar. Berdasarkan laporan Bank Negara Malaysia pada tahun 2018, kadar gaji sara hidup untuk seorang individu adalah berjumlah RM2,700, bagi pasangan tanpa anak pula kadarnya adalah sebanyak RM4,500 dan pasangan dengan 2 orang anak adalah RM6,500. Sehubungan itu, Kerajaan perlu mengkaji dan mengenal pasti model yang sesuai dan terbaik untuk negara ini.
3. Gaji minimum merupakan gaji terendah yang dibenarkan oleh undang-undang untuk **pekerja-pekerja asas tanpa kemahiran**. Bagi pekerja-pekerja yang berpengalaman dan berkemahiran, gaji mereka seharusnya lebih tinggi daripada gaji minimum yang ditentukan oleh pasaran buruh, rundingan dengan pihak majikan atau Perjanjian Kolektif.
4. Di samping itu, YAB Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan perasmian **Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama Transformasi TVET** yang diadakan pada **16 Mac 2023**, telah **menyarankan** agar pemain industri dan majikan, **menawarkan gaji permulaan** sekurang-kurangnya **RM 3000** kepada **graduan TVET**. Saranan ini adalah satu permintaan yang munasabah memandangkan

SOALAN NO: 14

graduan TVET adalah pekerja mahir yang menjalani kursus kemahiran secara komprehensif.

5. Kerajaan sentiasa terbuka terhadap setiap pandangan dan cadangan. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia akan meneliti perkara ini bagi memastikan ia benar-benar sesuai dan memberi manfaat kepada rakyat serta ekonomi negara secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN
YAHAYA
TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam memperhalusi isu keselamatan siber terutama bagi melindungi data peribadi pengguna dalam negara ini daripada terdedah kepada ancaman dalam talian seperti penipuan atau kecurian maklumat data.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Hal-hal berkaitan keselamatan siber negara adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN) melalui Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) berdasarkan Arahan 26 MKN: Pengurusan Keselamatan Siber Negara. Mana-mana sistem kritikal berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berpotensi untuk memberi kesan kepada keselamatan negara dan privasi individu adalah dikategorikan sebagai Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (*Critical National Information Infrastructure - CNII*). Terdapat 11 sektor CNII termasuklah sektor Kerajaan yang melibatkan data peribadi rakyat yang diproses dan disimpan oleh pihak Kerajaan.

Bagi melindungi data peribadi rakyat dalam transaksi komersial pula, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] di bawah Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah digubal dan Akta ini tidak terpakai untuk pihak Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri kerana sektor Kerajaan telah dikategorikan sebagai CNII.

Dalam usaha untuk memperhalusi isu keselamatan siber bagi melindungi data peribadi rakyat sama ada di bawah CNII atau di bawah Akta 709, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui CyberSecurity Malaysia (CSM) sebagai agensi teknikal keselamatan siber negara, sentiasa bersedia untuk memberikan bantuan teknikal yang berkaitan kepada mana-mana agensi Kerajaan atau swasta.

NO SOALAN: 15

Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia [*Malaysia Computer Emergency Response Team (MyCERT)*] di bawah CSM merupakan pusat rujukan teknikal berkaitan insiden keselamatan siber di Malaysia dan dianggotai oleh sekumpulan pakar yang akan bertindak balas terhadap sebarang pelaporan insiden keselamatan siber yang diterima dari pelbagai pihak sama ada Kerajaan, swasta, orang ramai, pemantauan dalaman CSM sendiri dan juga daripada pasukan tindak balas kecemasan komputer (CERT) negara lain. Bagi insiden kebocoran data peribadi, laporan yang diterima akan dikaji dan dipanjangkan untuk makluman dan tindakan segera bahagian teknologi maklumat entiti terlibat, pihak NACSA dan juga JPDP.

Bagi meneliti bagaimana sesuatu kebocoran boleh berlaku dan tindakan mitigasi yang perlu diambil untuk memastikan insiden yang sama tidak berulang, CSM juga turut menyediakan perkhidmatan pemeriksaan forensik digital berdasarkan kepada arahan dan keperluan agensi Kerajaan yang terlibat dengan keselamatan siber negara di bawah Arahan 26 MKN. Sebagai contoh pemeriksaan forensik digital yang diminta oleh pihak JPDP bagi kes kebocoran maklumat peribadi.

Selain daripada tindakan yang bersifat reaktif, langkah proaktif juga perlu diambil untuk melindungi data yang merupakan aset kepada negara. Oleh itu, mana-mana jabatan Kerajaan yang mempunyai pegangan data yang besar disarankan untuk menghubungi CSM bagi pelaksanaan audit keselamatan siber untuk memastikan data yang disimpan berada di dalam ekosistem yang selamat dan tidak boleh dikompromi. Pengesahan awal membolehkan tindakan mitigasi diambil segera dan seterusnya meminimumkan risiko berlakunya insiden keselamatan siber.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ
IBRAHIM**
TARIKH : 21 MAC 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme pemberian kredit e-tunai Belia Rahmah melalui "e-wallet" atau penggunaan alternatif lain dengan penggunaan MyKad yang sedia ada mengandungi perkhidmatan Touch 'N Go bagi memaksimumkan penggunaan MyKad sebagai galakan kepada Kad Pintar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan menawarkan kredit e-Tunai Belia Rahmah berjumlah 200 ringgit kepada 2 juta orang belia berumur 18 hingga 20 tahun dan juga pelajar sepenuh masa di Institusi Pengajian Tinggi dengan nilai peruntukan 400 juta ringgit.

Mekanisme pelaksanaan adalah melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat e-dompet terpilih di mana e-dompet yang menyertai juga akan menawarkan insentif padanan kepada penerima manfaat. Pilihan ini akan memberi lebih manfaat kepada penerima melalui pemberian mata ganjaran, promosi, kupon serta *cashback*.

Program ini bertujuan untuk meringankan kos perbelanjaan para penerima manfaat dan pada masa yang sama menggalakkan transaksi tanpa tunai dalam kalangan mereka. Melalui platform e-dompet, pemain industri e-dompet secara tidak langsung dapat memperluaskan produk dan perkhidmatan mereka di pasaran. Kerajaan juga berharap melalui inisiatif e-Tunai Belia Rahmah ini akan dapat menggalakkan lebih ramai penglibatan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam mengadaptasi pembayaran tanpa tunai dan pada masa yang sama dapat mempromosi produk serta menambah pendapatan kepada industri PMKS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN

: LISAN

DARIPADA

: YB TUAN SERUANDI BIN SAAD

TARIKH

: 21 MAC 2023

TUAN SERUANDI BIN SAAD minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam usaha menaik taraf dan menyelia Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuaratin (ICQ) di pintu masuk Wang Kelian, Perlis dan Wang Perancan, Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri sedia maklum akan keperluan untuk menaik taraf Pos Imigresen Wang Kelian, Perlis dan sedang menyediakan cadangan pembangunan untuk diangkat kepada Kementerian Ekonomi bagi kelulusan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) Rolling Plan 4 (RP4).

Cadangan pembangunan meliputi pembinaan semula blok pentadbiran sedia ada dan menaik taraf Pos Kawalan Kompleks ICQS Wang Kelian. Sekiranya diluluskan dalam RP4, proses pembangunan projek ini dijangka bermula pada tahun 2024 hingga 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI AZHAR BIN
AHMAD
TARIKH : 21 MAC 2023

Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan atau mekanisme yang perlu dibangunkan untuk mengkategorikan kumpulan atau individu yang akan menerima subsidi bersasar petrol RON95 bagi memastikan pemberian itu tidak berlaku keciciran dan ketirisan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Subsidi petrol RON95 pada masa ini adalah secara pukal (*blanket subsidy*) di mana semua stesen minyak menjual petrol RON95 pada harga RM2.05 seliter. Harga ini jauh lebih murah berbanding harga sebenar petrol RON95 di pasaran pada masa kini iaitu sekitar RM3.20 seliter. Ini bertujuan bagi memastikan tiada keciciran berlaku dan semua pengguna kenderaan berpendaftaran Malaysia dapat menikmati subsidi petrol RON95.

Walau bagaimanapun, mekanisme subsidi secara pukal ini adalah terdedah dengan isu ketirisan di mana subsidi petrol RON95 turut digunakan oleh kenderaan berpendaftaran asing serta disalahguna dalam sektor industri. Oleh yang demikian, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa melaksanakan penguatkuasaan menerusi arahan-arahan Pengawal Bekalan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa serta aktiviti pemeriksaan dan rampasan bagi kes-kes penyelewengan subsidi petrol RON95.

NO SOALAN: 18

Selain itu, bermula pada 1 Februari 2023, KPDN telah memperkenalkan projek rintis pembekalan petrol RON95 dan diesel tanpa subsidi Perlis bagi membolehkan kategori kumpulan pengguna kenderaan berpendaftaran asing di kawasan sempadan membeli produk petroleum tanpa subsidi. Melalui projek ini juga, kenderaan asing tidak lagi dibenarkan mengisi petrol dan diesel bersubsidi di stesen minyak biasa dan hanya boleh mengisi di dua (2) stesen minyak tanpa subsidi di negeri tersebut. Ini bagi mengelakkan ketirisan timbul apabila kenderaan asing masuk ke stesen minyak biasa yang menawarkan produk petroleum bersubsidi.

Bagi mekanisme baharu subsidi bersasar, pembangunan ini perlu dilihat secara komprehensif merangkumi semua produk bersubsidi seperti minyak masak, gas petroleum cecair (LPG) petrol, diesel serta lain-lain produk. Penglibatan semua Kementerian dalam mengenalpasti mekanisme terbaik sedang dilakukan dan KPDN bersedia melaksanakan apa-apa mekanisme subsidi bersasar yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU**
TARIKH : 21 MAC 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik warganegara yang diisyiharkan muflis mengikut kaum dan apakah inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian untuk membantu mereka keluar dari status muflis.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kes kebankrapan bagi tahun 2019 sehingga Februari 2023 ialah sebanyak 33,324 kes. Jumlah kes kebankrapan mengikut pecahan bangsa ialah seperti berikut:

BANGSA	TAHUN					JUMLAH	PERATUS
	2019	2020	2021	2022	2023		
MELAYU	7,081	4,883	3,816	3,268	409	19,457	58.39
CINA	2,829	2,055	1,664	1,574	210	8,332	25.00
INDIA	1,039	581	542	417	62	2,641	7.93
LAIN-LAIN	1,102	807	515	417	53	2,894	8.68
JUMLAH	12,051	8,326	6,537	5,676	734	33,324	100

- Kerajaan sentiasa memberikan perhatian berhubung inisiatif-inisiatif yang boleh disediakan untuk membantu bankrup keluar dari status kebankrapan. Ini dilaksanakan melalui peruntukan undang-undang Akta Insolvensi 1967 [Akta 360].

3. Bagi membantu bankrap untuk keluar dari kebankrapan, peruntukan berkenaan pelepasan automatik telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017. Bankrap boleh dilepaskan dari kebankrapan dalam tempoh yang singkat iaitu 3 tahun dari tarikh pemfailan Pernyataan Hal Ehwal (PHE). Kerajaan kini juga sedang dalam usaha membuat penambahbaikan kepada peruntukan pelepasan automatik yang sedia ada untuk memberi peluang yang lebih baik kepada bankrap untuk memulihkan kedudukan kewangannya dan memulakan kehidupan baru.
4. Semasa pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023, kerajaan telah menjadikan isu muflis sebagai salah satu isu rakyat yang ingin ditangani. Kerajaan telah mengumumkan inisiatif “peluang kedua”. Pendekatan pertama melibatkan bankrap yang mempunyai hutang berskala kecil iaitu di bawah RM50,000 dan memenuhi syarat akan dilepaskan bermula 1 Mac 2023. Jabatan Insolvensi selaku agensi bertanggungjawab telah melaksanakan inisiatif kerajaan ini melalui tindakan pengeluaran sijil pelepasan oleh Ketua Pengarah Insolvensi kepada bankrap yang berkelayakan.
5. Selain daripada itu, Jabatan Insolvensi Malaysia sentiasa melaksanakan program-program kesedaran seperti hari bersama pelanggan, klinik insolvensi dan menggunakan saluran media sosial bagi menggalakkan bankrap untuk berurusan dan bekerjasama dengan Mdi. Oleh itu bankrap dapat memahami serta menjalankan tanggungjawabnya dan perkara tersebut dapat membantu bankrap untuk keluar daripada kebankrapan dalam tempoh yang singkat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS

TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK NORAINI IDRIS minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah inisiatif bersepada yang sedang dijalankan bersama oleh golongan majikan khususnya sektor swasta dalam memantau serta membendung perbuatan salah laku seksual di tempat kerja seperti yang digariskan dalam Akta Kerja (Pindaan) 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu berkaitan gangguan seksual di tempat kerja dipandang serius oleh pihak kerajaan. Oleh kerana itu, Bahagian 15A berkaitan gangguan seksual telah dimasukkan ke dalam pindaan Akta Kerja 1955 (Akta 265) pada tahun 2012. Tafsiran gangguan seksual telah dijelaskan dalam Seksyen 81A Akta 265 yang mengkhususkan gangguan seksual oleh **pekerja terhadap pekerja, pekerja terhadap majikan atau majikan terhadap pekerja.**
2. Bagi menambah baik peruntukan ini, **pindaan Akta Kerja 1955** yang telah **dikuatkuasakan** pada **1 Januari 2023**, telah **mewajibkan pihak majikan untuk mempamerkan notis larangan gangguan seksual di tempat kerja** bagi meningkatkan lagi tahap kesedaran kepada semua majikan dan pekerja.
3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, **Majikan** yang **menerima aduan gangguan seksual** hendaklah **membuat siasatan** terhadap aduan tersebut berdasarkan peruntukan **Seksyen 81B(1) Akta 265**. Sekiranya **majikan gagal** melaksanakan siasatan tersebut, majikan boleh dikenakan hukuman dengan tidak melebihi **RM50,000.00** berdasarkan peruntukan **Seksyen 81F Akta 265**.

SOALAN NO: 20

4. Sekiranya **aduan** dibuat melalui **Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia**, pihak Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia akan **memanjangkan aduan tersebut kepada pihak majikan** untuk **tindakan siasatan**. Pihak majikan hendaklah **melapor hasil siasatan dalam tempoh 30 hari** dari tarikh arahan tersebut ke Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia sentiasa mengadakan libat urus dengan pihak majikan bagi memberikan penerangan berkaitan tanggungjawab majikan dalam menangani isu gangguan seksual di tempat pekerjaan.

6. Berdasarkan statistic, setakat Disember 2022, sebanyak **87 program** telah diadakan yang melibatkan **7,177 peserta**. Manakala bagi tahun 2023 pula, sehingga Februari, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia telah melaksanakan 30 program yang melibatkan 1,910 peserta yang terdiri daripada **majikan, kesatuan sekerja majikan, kesatuan sekerja pekerja, persatuan majikan dan persatuan pekerja**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA
TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan dalam memastikan murid-murid B40 mendapat kelas tambahan/tuisyen luar kelas demi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran seiring murid lain yang mampu membayai tuisyen luar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited memastikan semua murid mendapat ruang dan peluang pendidikan yang berkualiti. Sehubungan dengan itu, KPM telah menyediakan pelbagai kursus dan latihan pembangunan kapasiti guru dalam aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang menyeronokkan dan bermakna. Pelbagai pendekatan seperti pendekatan pedagogi terbeza, didik hibur, pembelajaran berasaskan projek telah ditatarkan kepada guru-guru. Semua pendekatan ini membolehkan murid menguasai pelajaran mereka dalam PdP sehari-hari di sekolah tanpa perlu menghadiri kelas tambahan/kelas tuisyen luar.

KPM juga sentiasa menjalankan kerjasama dan mengalu-alukan mana-mana pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), agensi luar atau NGO yang boleh membantu melaksanakan kelas tambahan/tuisyen luar bagi meningkatkan kemenjadian murid di sekolah.

KPM telah melaksanakan beberapa aktiviti untuk membantu murid B40 melalui inisiatif Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Pihak Swasta (PIBKS) di peringkat jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pejabat pendidikan daerah (PPD). Antara aktiviti yang dilakukan adalah seperti berikut:

- i. JPN Putrajaya telah bekerjasama dengan Perbadanan Putrajaya bagi menjayakan Program '*Tuition Mission@B40*' kepada murid yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran

NO SOALAN: 21

Malaysia (SPM) tahun 2022. Fokus program ini adalah kepada empat subjek utama sahaja iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah dan Matematik.

- ii. Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) yang dilaksanakan di antara Mac 2022 hingga Mac 2023. Seramai 40,000 calon SPM terlibat yang mendapat manfaat program ini. Di samping itu, seramai 10,000 murid tahun 6 turut mengikuti program ini. PTRS merupakan program yang mendapat tajaan daripada kerajaan negeri Selangor.
- iii. Program Mercu Anak Bangsa yang melibatkan 30 orang calon SPM B40 Negeri Melaka dijalankan selama 2 siri dengan kerjasama PIBKS Melaka, Yayasan Pelajaran Mara dan Bank Pembangunan Malaysia.
- iv. Program *Road to PASS* Sejarah SPM 2022/2023 anjuran PPD Rompin dengan Kerjasama Masjid Rompin telah dijalankan mulai 18 hingga 19 Januari 2023 yang melibatkan 180 orang murid B40.
- v. Tuisyen Rakyat Bank Rakyat untuk 50 orang murid melibatkan 12 sesi merupakan antara inisiatif SMK Tunku Ampuan Durah, Negeri Sembilan.

NO SOALAN: 21

- vi. Program Tuisyen Pintar SPM 2023/2024 dengan kerjasama antara PIBKS Kedah dan Yayasan Albukhary melibatkan 350 orang murid B40 Aliran Sains di Daerah Yan, Baling dan Sik, Kedah telah menerima peranti dan perkhidmatan tuisyen sepanjang tahun secara bersemuka dan dalam talian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 21 MAC 2023

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menyediakan elaun kritikal kepada jurupulih fisioterapi dan jurupulih cara kerja seperti mana ia diberi kepada para doktor dan jururawat atas sebab risiko pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil berat tentang kebijakan dan keselamatan anggota kesihatan dan berterima kasih atas saranan pelbagai pihak yang turut prihatin terhadap isu keselamatan dan kebijakan petugas kesihatan kementerian.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) telah diperkenal pada tahun 1992 kepada pegawai dalam skim perkhidmatan tertentu yang menghadapi kekurangan bekalan tenaga manusia dalam perkhidmatan tertentu. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal diberikan berdasarkan kepada empat (4) kriteria yang telah ditetapkan iaitu:
 - (i) peranan dan sumbangan perkhidmatan ke arah pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara berdasarkan bidang-bidang yang telah diberi keutamaan di bawah rancangan-rancangan pembangunan negara;
 - (ii) kedudukan persaingan dalam pasaran buruh bagi tenaga anggota terlatih yang diperlukan, meliputi pertimbangan ke atas faktor-faktor seperti kedudukan penawaran dan permintaan, kadar pusing ganti dan kadar saraan di pasaran bagi kategori tenaga kerja berkenaan;

- (iii) kelayakan dan kebolehan yang perlu ada pada perkhidmatan iaitu daripada segi kelayakan dan latihan, pengalaman, kepakaran, kemahiran dan bakat; dan
 - (iv) keadaan persekitaran tempat kerja yang dilihat daripada segi kesan kepada kesihatan, pendedahan kepada risiko-risiko kemalangan dan sistem waktu kerja yang digunakan.
3. Hingga kini, tiga puluh tiga (33) skim perkhidmatan daripada pelbagai kementerian telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal dan layak menerima Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal. Di bawah KKM, sebanyak lapan (8) skim perkhidmatan telah diberikan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.
4. Pada masa ini, KKM dimaklumkan bahawa Agensi Pusat sedang melaksanakan kajian menyeluruh berhubung pelaksanaan pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal kepada skim-skim perkhidmatan yang berkelayakan di bawah Kajian Rasionalisasi Elaun Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE
TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan terbaru bagi projek RTS serta berapakah jumlah kos yang terbabit dalam projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited untuk meneruskan projek pembinaan RTS Link ini mengikut garis masa perancangan masa projek selepas melalui tempoh peralihan ke fasa endemik. Berdasarkan perjanjian projek RTS Link (infrastruktur dan juga sistem) perlu disiapkan menjelang 31 Disember 2026.
2. Sehingga akhir Februari 2023, status kemajuan pelaksanaan kerja-kerja berkaitan infrastruktur rel adalah pada 30.98%. Kementerian Pengangkutan sedang menggembung usaha pelbagai pihak termasuk kontraktor dan Jabatan-Jabatan Kerajaan lain bagi memastikan kemajuan kerja-kerja ini dapat diperingkatkan.
3. Setakat ini, kos projek (termasuk sistem) adalah sebanyak RM3.715 bilion. Ini tidak termasuk kos bagi skim penyuraian trafik serta kos pembinaan kompleks CIQ baharu di Bukit Chagar yang dianggarkan berjumlah RM 1.28 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian akan meningkatkan kriteria dan had dalam permohonan kad kredit bagi mengurangkan kadar kebankrapan dalam kalangan golongan belia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bank Negara Malaysia telah menetapkan bahawa pemegang kad kredit berpendapatan RM3,000 sebulan atau kurang hanya boleh memiliki kad kredit daripada dua pengeluar kad sahaja. Jumlah had maksimum kredit yang dibenarkan bagi setiap pemegang kad juga tidak boleh melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan pemegang kad bagi setiap pengeluar. Polisi tersebut adalah bertujuan untuk memastikan pemegang kad kredit mendapat pembiayaan yang selaras dengan kemampuan membayar balik serta memupuk penggunaan kad kredit secara berhemat. Ini adalah amat penting bagi mengurangkan risiko pemegang kad kredit terjerumus dalam masalah kewangan akibat dibelenggu bebanan hutang yang berlebihan.

Sekiranya institusi kewangan mendapati pemegang kad menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran balik, institusi kewangan dikehendaki untuk menawarkan pelan penukaran baki secara automatik terutamanya kepada pemegang kad yang mudah terjejas (*vulnerable cardholders*). Pelan ini ialah pelan penukaran baki tertunggak kepada pinjaman berjangka (*term loan*) untuk tempoh sehingga 3 tahun dengan kadar faedah efektif yang tidak melebihi 13% setahun (lebih rendah daripada kadar pinjaman kad kredit). Setelah penukaran baki secara automatik dilaksanakan, pemegang kad tetap boleh menggunakan jumlah kredit sedia ada sehingga had maksimum kredit mereka yang diluluskan. Untuk makluman, pemegang kad yang mudah terjejas adalah pemegang kad yang:

NO SOALAN: 24

- (i) mempunyai pendapatan bulanan sehingga RM5,000;
- (ii) mempunyai amalan pembayaran berulang (*consistent revolver*) sepanjang 12 bulan yang lalu; dan
- (iii) telah membuat purata pembayaran balik baki hutang sebanyak 10% atau kurang sepanjang 12 bulan yang lalu.

Berdasarkan statistik kebankrapan, hanya 8% daripada jumlah kes kebankrapan dari tahun 2018 sehingga tahun 2022 adalah disebabkan oleh hutang kad kredit. Jumlah kes yang disebabkan oleh hutang kad kredit juga semakin menurun daripada 1,811 kes pada tahun 2018 kepada 207 kes pada tahun 2022.

Jumlah kes kebankrapan dalam kalangan golongan belia (iaitu di bawah 35 tahun) juga semakin menurun daripada 4,278 kes pada tahun 2018 kepada 770 kes pada tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH
TARIKH : 21 MAC 2023

DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi mengurangkan migrasi pekerja ke negara lain terutamanya untuk pekerja sektor profesional ke negara lain

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa proaktif untuk **menangani migrasi pekerja ke negara** lain terutamanya pekerja sektor profesional. Antaranya adalah melalui inisiatif-inisiatif berikut:
 - (i) Kerajaan akan memastikan **keutamaan penggajian** diberikan kepada warga tempatan terutamanya dalam bidang berkepakaran tinggi. Pengambilan ekspatriat asing hanya akan dilakukan apabila kemahiran atau kepakaran yang diperlukan tidak dimiliki oleh warga tempatan atau bilangannya sangat terhad untuk memenuhi kekosongan jawatan yang ditawarkan.
 - (ii) Kementerian Sumber Manusia melalui Talent Corporation Malaysia Berhad telah membangunkan **Critical Occupations List** yang bertujuan memberi penekanan terhadap kebolehpasaran tempatan dengan mengenalpasti kemahiran dan pekerjaan yang sukar dipenuhi merangkumi keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir;
 - (iii) KSM melalui TalentCorp juga melaksanakan kolaborasi strategik merentasi kementerian/ agensi, industri dan institusi pengajian tinggi awam/swasta/ teknikal serta giat mempromosikan inisiatif-inisiatif berkaitan pembangunan bakat dan kebolehpasaran takungan bakat muda negara melalui pelaksanaan:

- a) **Platform pemprofilan Mynext** dibangunkan untuk menganalisis penilaian psikometrik, penilaian 360 darjah pelaksanaan latihan industri (pelatih industri – majikan) dan intervensi solusi seperti bimbingan Kerjaya (*coaching & mentoring*) serta peningkatan kemahiran bakat muda.
- b) **Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (National Structured Internship Programme - MySIP)** pula bertindak sebagai penggalak kepada penyertaan dan penglibatan lebih banyak syarikat dan industri untuk melatih bakat muda negara dengan membuka lebih banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti melalui insentif potongan cukai berganda.
- c) **Kolaborasi Industri-Akademia (*Industry-Academia Collaboration*)** berperanan dalam memastikan institusi supaya lebih proaktif melibatkan diri dalam intervensi industri berdasarkan keperluan dan tahap ketersediaan institusi tersebut melatih bakat muda.
- d) **Young Employable Student (YES): We Are Ready!** dibangunkan selaras dengan keperluan graduan dalam negara dengan diberi pendedahan dalam meningkatkan kemahiran *soft-skills*, pendedahan kerjaya awal, tips kebolehpasaran graduan, tips kerjaya dan kesedaran kerjaya, *self-branding*, self-awareness, kepimpinan, program kesukarelawan, program impak sosial, perancangan kerjaya dan peningkatan kendiri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 21 MAC 2023

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mengkaji untuk menyediakan buku teks berbentuk digital bagi menangani keluhan ibu bapa dan guru-guru mengenai buku teks berat yang terpaksa dibawa oleh murid-murid pada setiap hari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM telah menjalankan tiga kajian utama berkaitan beg berat, iaitu Kajian Beban Buku Murid Sekolah Rendah pada tahun 1994, Kajian Berat Beg Murid Sekolah Rendah pada tahun 2008 dan Laporan Kajian Berat Beg Murid Sekolah Rendah pada tahun 2017. Hasil daripada kajian yang dilaksanakan, KPM telah mengambil pelbagai tindakan bagi menangani isu berkenaan, antaranya, mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2022: Penggunaan Buku Aktiviti, Buku Kerja, dan Buku Latihan di Sekolah Rendah selaras dengan Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017) dan Surat Siaran Penyusunan Semula Jadual Waktu bagi Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan 2017).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini KPM sedang mengkaji penggunaan teknologi dalam penyediaan akses sumber pendidikan termasuk penghasilan buku teks digital dengan mengambil kira pemilikan peranti digital dalam kalangan semua murid dan ketersediaan capaian internet. KPM telah menyediakan sebahagian bahan pembelajaran dalam bentuk digital. Pada masa ini, KPM telah memuat naik sebanyak 754 buku teks digital dalam pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa)*.

NO SOALAN: 26

KPM juga telah menyediakan bahan digital lain seperti rancangan pendidikan dalam bentuk video, radio pendidikan dalam bentuk *podcast* dan permainan interaktif berunsurkan pendidikan. Sehingga kini, sebanyak 3,568 video kurikulum, 263 video pedagogi, 170 bahan *podcast* dan 4,796 video DidikTV KPM telah dibangunkan dan boleh diakses melalui DELIMa.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik dalam menangani isu beg berat murid dan seterusnya memastikan kesejahteraan murid terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI
TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status semasa dan perkara yang akan dipindah dalam Akta OKU 2008 serta apakah pendirian Kementerian bagi mengeluarkan seksyen 41 dan 42.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Urusan semakan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] yang sedang dilaksanakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah bermula pada awal tahun 2022. Sehingga 28 Februari 2023, KPWKM telah menerima pandangan serta cadangan penambahbaikan ke atas Akta 685 daripada pihak berkepentingan menerusi empat (4) siri bengkel semakan akta sepanjang tahun 2022. Senarai pindaan kepada Akta 685 yang dipersetujui KPWKM akan dibentang pada Mesyuarat Pasukan Projek Khas Semakan Akta Orang Kurang Upaya 2008.

KPWKM berpendirian Akta 685 secara amnya perlu disemak supaya selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan hak serta kesejahteraan OKU disantuni dan komitmen Kerajaan sebagai Negara Pihak (*State Party*) kepada Konvensyen Bagi Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) dicapai.

Walau bagaimanapun, merit serta kesesuaian Seksyen 41 dan Seksyen 42 Akta 685 untuk dikekalkan atau dimansuhkan telah diberi perhatian dan pertimbangan KPWKM. Cadangan untuk menyemak semula kedua-dua seksyen ini turut diterima KPWKM dan akan dibincangkan semasa Mesyuarat Pasukan Projek Khas Semakan Akta Orang Kurang Upaya 2008 akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 21 MAC 2023

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) adakah bilangan Orang Yang Kompeten (OYK) yang sedia ada sudah mencukupi di dalam industri; dan
- (b) jika tidak mencukupi, apakah usaha Kerajaan bagi menangani isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat **Disember 2022**, jumlah Orang Yang Kompeten dan **Orang Yang Terlatih** yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan berstatus aktif adalah seramai **87,334 orang**. Jumlah keseluruhan tersebut merangkumi Orang Yang Kompeten Keselamatan Pekerjaan seramai **63,092 orang**; Orang Yang Kompeten Kesihatan Pekerjaan seramai **5,802 orang**; dan Orang Yang Terlatih berjumlah **18,440 orang**.
2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, setakat ini Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tidak mendapat maklumbalas daripada pemegang taruh (stakeholders) mengenai kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan Orang Yang Kompeten. Sehubungan itu, bilangan Orang Yang Kompeten di negara ini adalah selaras dengan permintaan industri pada masa kini.
3. Walau bagaimanapun, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menjangkakan permintaan terhadap Orang Yang Kompeten di negara ini meningkat sebanyak tiga peratus (3%) bagi setiap tahun.
4. KSM melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti perkhidmatan Orang Yang Kompeten. Antaranya:

I. Memberi Pengiktiran Pusat Pengajar Bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)

- i. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah memberi pengiktirafan kepada Pusat Pengajar bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Setakat Disember 2022, sebanyak 156 pusat pengajar telah diberi pengiktirafan.
- ii. Selain itu, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tidak mengenakan sebarang bayaran bagi proses kelulusan dan pendaftaran pusat pengajar berkenaan. Ini secara tidak langsung dapat memudahkan akses bagi individu yang berminat menjadi Orang Yang Kompeten untuk menghadiri kursus kompetensi berkaitan pada kos yang kompetitif.

II. Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)

- i. KSM melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran sedang giat membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan ***National Occupational Skills Standards*** khusus untuk membolehkan pelajar aliran TVET menjadi Orang Yang Kompeten dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

III. Program Pendidikan TVET Dalam Bidang Berkaitan Orang Yang Kompeten

- i. Selain itu, program pendidikan TVET juga telah membuka peluang kepada pelajar TVET untuk menjadi Orang Yang Kompeten dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti pengendali perancah dan operator kren menara.

IV. Kelulusan Standard Program Khusus Bidang KKP Oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

- i. Di samping itu, Agensi Kelayakan Malaysia pula telah meluluskan standard program khusus dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan pada tahun ini bagi peringkat diploma sehingga ijazah lanjutan termasuk peringkat doktor falsafah.

V. Program OSH-Club Bagi Pendedahan Awal Bidang Keselamatan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah Rendah dan Menengah

- i. Seterusnya, bagi peringkat sekolah rendah dan menengah pula, KSM melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan sedang berusaha bagi mengadakan dan melaksanakan **program Kelab Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan izin "OSH Club"** bagi aktiviti korikulum pelajar. Ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kehidupan dan seterusnya memupuk minat pelajar sekolah untuk menceburi bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

VI. Program Promosi dan Libat Urus Bagi Meningkatkan Kesedaran Berkaitan Keperluan Orang Yang Kompeten di Industri

- i. KSM melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan juga giat mengadakan program kesedaran kepada majikan, pekerja dan pengamal Keselamatan Kesihatan Pekerjaan berkaitan keperluan Orang Yang Kompeten di dalam industri. Kolaborasi dengan persatuan industri dan badan bukan kerajaan telah dijalankan bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran dalam keperluan dan kepentingan Orang Yang Kompeten serta peluang kerjaya dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- 5. Menerusi inisiatif-inisiatif ini, dijangkakan bilangan dan kualiti perkhidmatan Orang Yang Kompeten dapat ditingkatkan bagi memenuhi kehendak industri dan pasaran pekerjaan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM
TARIKH : 21 MAC 2023

TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan memperkenalkan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan **belum bercadang** untuk memperkenalkan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Pada masa ini, rakyat sedang dalam fasa pemulihan pasca krisis COVID-19 serta menghadapi cabaran kos sara hidup. **Inflasi makanan** tahun 2022 pada kadar **5.8 peratus** dan ini lebih menjaskan golongan yang berpendapatan rendah. Pada masa yang sama, **GST** juga merupakan cukai yang **bersifat regresif**.

Dengan itu, cadangan untuk memperkenalkan GST hanya dapat dipertimbangkan setelah pemulihan dan pertumbuhan ekonomi berada di landasan yang lebih kukuh serta setelah ditentukan bagaimana dapat menambahbaik mekanisme GST berbanding dengan sebelum ini supaya mengurangkan impak kepada golongan berpendapatan rendah.

Sebarang perubahan polisi berkaitan cukai akan mengambil kira kesan terhadap ekonomi dan kos sara hidup rakyat. Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa mengawasi kedudukan ekonomi semasa dan mempertimbangkan langkah-langkah fiskal yang bersesuaian dengan keperluan jangka pendek dan sederhana.

Dalam **Belanjawan 2023**, Kerajaan telah mengambil pendekatan lebih progresif sebagai langkah baharu meluaskan asas **cukai kepada mereka yang punya kemampuan**. Ini termasuk:

- (i) meningkatkan cukai pendapatan bagi individu bagi mereka dengan pendapatan bercukai melebihi RM230,000 setahun, dan
- (ii) pengumuman cadangan **Cukai Barang Mewah** dan **Cukai Keuntungan Modal** ke atas jualan saham tidak tersenarai

Kerajaan akan terus mengadakan libat urus dengan semua pihak berkepentingan bagi mengkaji aspek pembaharuan sistem percukaian. Tidak semestinya ianya melibatkan GST. Terdapat juga ruang untuk menambahbaik SST sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK
TARIKH : 21 MAC 2023

TUAN AK NAN A/L EHTOOK minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk kaum minoriti Siam bagi tujuan pembangunan kebudayaan dan pembelajaran bahasa ibunda mereka. Apakah mekanisme yang akan digunakan untuk menyalurkan peruntukan dan syarat yang dikenakan dalam penggunaan peruntukan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui belanjawan 2023, **sejumlah RM10 juta disediakan bagi menggerakkan program berbentuk pembelajaran adat, budaya dan bahasa ibunda sebagai asas perpaduan, antaranya melalui program Ini Warisan Kita.** Program ini disusun bagi mengeratkan lagi **penyatupaduan masyarakat tanpa meminggirkan mananya kaum atau kelompok masyarakat.**
2. Program **Ini Warisan Kita** merupakan program yang bertujuan untuk **mengekal dan menyemarakkan adat dan budaya masyarakat pelbagai kaum, dan meningkatkan penerimaan masyarakat terhadap perbezaan sekali gus dapat meraikan kepelbagaian.**
3. Antara elemen yang ditekankan di dalam program ini adalah pengajaran dan pengkayaan bahasa ibunda sesuatu kaum kepada komuniti setempat bertujuan untuk **meraikan kewujudan kepelbagaian bahasa dalam masyarakat Malaysia.** Melalui program ini juga, **masyarakat akan lebih memahami sensitiviti sesuatu kaum** melalui penggunaan bahasa ibunda.
4. Program “*Ini Warisan Kita*” dilaksanakan selari dengan Dasar Perpaduan Negara di bawah Teras 2 iaitu Identiti Nasional. Identiti Nasional merupakan matlamat membina sebuah bangsa yang berjaya perlu seiring dengan usaha memperkuuh perpaduan, penyatupaduan dan kesepaduan sosial dalam kepelbagaian etnik

NO SOALAN: 30

dan agama serta kerencaman budaya dan adat resam. Untuk mencapai matlamat tersebut, tiga (3) strategi telah disusun iaitu:

- (i) Mengukuhkan peranan bahasa sebagai medium integrasi perpaduan;
 - (ii) Mengukuhkan kefahaman agama, budaya dan adat resam pelbagai etnik; dan
 - (iii) Membentuk masyarakat berkeperibadian tinggi, berintegriti dan berakhhlak mulia.
5. Perbezaan kaum, agama dan budaya dalam masyarakat di negara ini menjadi satu keunikan dan keistimewaan buat negara kita. Oleh yang demikian, pelaksanaan program oleh Kementerian ini adalah **bersifat terangkum tanpa meminggirkan mana-mana pihak serta tidak fokus kepada kelompok tertentu sahaja.**
6. Program ini membawa prinsip asas memahami, menghormati dan menerima terhadap tiga (3) kluster warisan kita iaitu **budaya, bahasa dan adat.**
- (i) Program **Adat** akan memberi pengetahuan dan pendedahan berkaitan adat resam sesuatu kaum. Contoh Program berkaitan adat adalah:
 - a) Penyatuan Dua Jiwa (kahwin)
 - b) Permata Hatiku (kelahiran)
 - c) Permaisuriku (berpantang)
 - d) Tamu Muhibbah (kunjung & lawat)
 - e) Tinggal Kenangan (kematian)

NO SOALAN: 30

- (ii) Program **Budaya** akan memberi pengetahuan dan pendedahan kepada budaya yang diwarisi oleh sesuatu kaum. Contoh Program berkaitan budaya adalah:
- a) Warna-warni Malaysia (tarian)
 - b) Busana Perpaduan (pakaian)
 - c) Unity of Spices/ Rencah Rasa/ Dapur Muhibbah (makanan)
 - d) Nostalgia Anak Kampung (sukan rakyat)
 - e) Kraf Perpaduan (kraftangan dan tulisan)
 - f) Gengam Bara Api (seni pertahankan diri)
- (iii) Program **Bahasa** adalah program pengajaran dan pengkayaan bahasa ibunda sesuatu kaum kepada komuniti setempat. Ia bertujuan untuk meraikan kewujudan kepelbagaian bahasa dalam masyarakat Malaysia dan memahami sensitiviti sesebuah kaum melalui penggunaan bahasa ibunda. Contoh program berkaitan bahasa adalah:
- a) Slanga Perpaduan (percakapan)
 - b) Tinta Penaku (penulisan)
 - c) Santai Minda (pembacaan)
 - d) SuperSpontan (kuiz)
 - e) Memori Alam Kecil (nyanyian)
7. Program Ini Warisan Kita dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama daripada Komuniti Rukun Tetangga (KRT), agensi Kerajaan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan juga dengan NGO-*Friends of Unity* (FoU).

NO SOALAN: 30

8. Kementerian ini percaya, melalui pelbagai program yang akan dilaksanakan, usaha untuk melahirkan masyarakat yang berpegang teguh kepada prinsip perpaduan akan dapat dicapai seiring dengan pembentukan masyarakat Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 21 MAC 2023 (SELASA)

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan tindakan yang sedang dirangka ke arah menterjemahkan agenda pembanterasan rasuah dalam kalangan ahli politik serta penjawat awam dan bagaimanakah ia dapat dilaksanakan menerusi kredibiliti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang sebelum ini dilihat bersifat pilih bulu.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berperanan sebagai badan pelaksana penguatkuasa rasuah dalam membangun dan menjayakan agenda pembudayaan integriti dalam masyarakat serta bertanggungjawab dalam memerangi jenayah rasuah.
2. Kerajaan hari ini menunjukkan kesungguhan dan komitmen yang tinggi untuk membanteras rasuah termasuklah dalam kalangan penjawat awam dan ahli politik yang telah diberikan kuasa tetapi menyalahgunakan kuasa tersebut serta tindakan mereka menerima rasuah atas kapasiti mereka semasa memegang jawatan.
3. Selaras dengan halatuju pencegahan rasuah yang ditetapkan oleh negara melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP), SPRM juga turut memfokuskan kepada tiga (3) sektor utama iaitu perolehan, penguatkuasaan dan rasuah berskala besar dalam usaha untuk memastikan ketirisan dapat dikurangkan. Secara tidak langsung, ianya telah termasuk dalam agenda membanteras rasuah dalam kalangan ahli politik dan penjawat awam seperti yang sering diwar-warkan oleh YAB Perdana Menteri.

NO SOALAN: 31

4. *Without fear or favour*, SPRM akan meneruskan tindakan menyiasat mereka termasuklah dalam kalangan ahli politik dan penjawat awam yang terlibat dengan isu rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
5. Pendekatan holistik pencegahan rasuah meliputi aspek pentadbiran, politik, ekonomi, agama dan sosiobudaya. Antaranya adalah:
 - i) Memperkasakan inisiatif pencegahan rasuah dan tadbir urus yang baik dengan menambahbaik peranan Pegawai Unit Integriti di agensi awam dan swasta;
 - ii) Mempertingkatkan penerimaan dan pelaksanaan cadangan penambahbaikan sistem dan prosedur oleh agensi awam dan swasta melalui khidmat rundingan yang dijalankan;
 - iii) Mempergiatkan khidmat nasihat pencegahan rasuah kepada pemain-pemain industri di sektor swasta dan Kementerian / Jabatan /Agensi khususnya dalam pembangunan kawalan dalaman pencegahan rasuah organisasi (Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Anti Bribery Management System (ABMS); dan
 - iv) Mempertingkatkan promosi nilai benci rasuah melalui kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta termasuk agensi keagamaan dan badan bukan kerajaan (NGOs).

NO SOALAN: 31

6. SPRM melaksanakan tugas berdasarkan prinsip keadilan dan undang-undang tanpa bersikap pilih bulu. SPRM boleh bertindak ke atas sesiapa sahaja yang melakukan rasuah, samada ia membabitkan menteri atau mana-mana parti politik. Sekiranya menemui bukti kukuh dalam siasatan terhadap mana-mana individu sama ada daripada parti pemerintah atau pembangkang, individu tersebut tetap akan di bawa ke muka pengadilan. Setakat ini, SPRM telah menyiasat ahli politik daripada kedua-dua parti samada parti pemerintah atau parti pembangkang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE
TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap penambahan pangkalan data dan pengaturcaraan aplikasi Kementerian termasuk Sistem Bersepadu KPM (MOEIS) dan Sistem Pengurusan Identiti (idME).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa terdapat gangguan capaian pada Sistem Pengurusan Identiti (idMe) dan Sistem Bersepadu KPM (MOEIS). KPM mengesan gangguan mula berlaku pada 19 Januari 2023 disebabkan isu teknikal dan isu penggunaan sistem. Bagi penyelesaian isu teknikal pangkalan data dan pengaturcaraan aplikasi, penambahbaikan pada peringkat rangka kerja (*framework*) telah dilaksanakan antaranya penambahbaikan *schedule query* serta menjalankan aktiviti *indexing* pada skema pangkalan data terlibat. Tindakan penambahbaikan ini telah berjaya mengatasi isu teknikal idMe dan MOEIS pada 11 Februari 2023. Prestasi sistem terus dipantau bagi memastikan ia sentiasa beroperasi dengan baik bagi meminimumkan gangguan capaian. KPM telah mengenal pasti punca masalah kepada keseluruhan sistem ini dengan mengambil kira pengurusan sistem secara keseluruhan serta kompetensi personel bagi memantapkan lagi pelaksanaan sistem tersebut.

Bagi isu penggunaan sistem, KPM telah merancakkan usaha untuk meningkatkan *user-education* dengan mengadakan sesi berkelompok bersama dengan guru-guru, edaran soalan lazim atau *frequently asked questions* (FAQ) serta hebahan video tutorial supaya penggunaan sistem lebih lancar. KPM juga telah memberi autonomi kepada guru untuk memilih sama ada untuk merekodkan dan melaporkan tahap penguasaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) secara luar talian atau dalam talian melalui sistem secara hibrid.

Sehingga 16 Mac 2023, secara keseluruhan, 89% sekolah di seluruh negara telah selesai memasukkan data dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Bersepadu (SPPB) di bawah MOEIS melalui idMe manakala, bakinya mempunyai pilihan untuk memasuki data samada melalui SPPB ataupun secara luar talian. Walaupun diberi pilihan, terdapat tiga negeri yang menggunakan SPPB 100 peratus iaitu negeri Kelantan, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, manakala negeri Perlis mencapai 99 peratus pengisian ke dalam sistem tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS
TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK NORAINI IDRIS minta **PERDANA MENTERI** menyatakan aspek-aspek teknikal yang sedang dipertimbangkan berkenaan dengan cadangan bagi penambahan kerusi Parlimen bagi Sabah serta Sarawak dan sejauh manakah perbelanjaan negara berupaya menampung segala kos termasuk liabiliti luar jangka yang melibatkan perubahan komposisi politik tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Urusan Kajian Semula Persempadanan berdasarkan keperluan di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.
2. Bagi melaksanakan cadangan pertambahan kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sabah dan Sarawak, pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan berkaitan komposisi Ahli Dewan Rakyat perlu dibuat terlebih dahulu dan pindaan ini perlu mendapat persetujuan 2/3 daripada jumlah Ahli Dewan Rakyat.
3. Kajian akan dilaksanakan berkenaan perkara ini sebelum ia dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan persetujuan dasar.
4. Kajian mengenai perkara ini dijangka akan mengambil sedikit masa oleh sebab ia melibatkan pindaan undang-undang khususnya berkaitan Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kewangan terkini Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) yang telah berkurang selepas sebahagian RM5 bilion daripada sejumlah RM19 bilion yang ada pada masa itu digunakan untuk pembelian vaksin COVID-19 dan adakah Kerajaan berhasrat menyimpan semula dalam masa terdekat memandangkan COVID-19 telah terkawal dan juga keuntungan Petronas pada suku terakhir 2022 adalah RM72 bilion dan berkemungkinan mencapai sasarannya kepada RM100 bilion dalam tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) berdasarkan Akta KWAN 1988 diwujudkan dengan mandat untuk menjana sumber pendapatan berterusan demi faedah negara dan generasi akan datang. Selaras dengan tujuan tersebut, Kerajaan telah memperuntukkan sehingga 6 bilion ringgit bagi tujuan perbelanjaan vaksin COVID-19.

Setakat Februari 2022, sebanyak 5 bilion ringgit telahpun dibelanjakan untuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan menjadikan baki KWAN setakat Disember 2022 ialah sebanyak RM17.1 bilion.

Sejak penubuhannya pada tahun 1988, PETRONAS kekal sebagai penyumbang tunggal dana KWAN dan PETRONAS bercadang menyumbangkan sebanyak 2 bilion ringgit ke dalam KWAN pada tahun 2023. Kerajaan komited untuk menambah semula dana KWAN dan akan mempertimbangkan sumbangan kepada KWAN apabila kedudukan kewangan negara kembali pulih kelak. Kerajaan juga menyeru lebih banyak entiti menyumbang ke dalam KWAN bagi manfaat negara di hari muka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AZIZ BIN ARIFFIN
TARIKH : 21 MAC 2023

TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula gaji anggota pasukan keselamatan, terutamanya polis dan tentera agar bersesuaian dengan bebanan tugas yang dilakukan mereka dan bukan sekadar mengikut taraf pendidikan yang dimiliki semata-mata.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa prihatin dengan beban tugas penjawat awam dan usaha penambahbaikan yang berterusan dibuat bagi memastikan gaji dan elaun yang diterima penjawat awam termasuklah anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa relevan dengan keperluan Perkhidmatan Awam agar penyampaian perkhidmatan yang diterima rakyat adalah cekap dan berkualiti.
2. Secara umumnya, bagi memastikan keharmonian keseluruhan Perkhidmatan Awam, dasar pemberian kenaikan gaji yang dilaksanakan wajar dibuat secara menyeluruh meliputi semua skim perkhidmatan merangkumi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Pasukan Beruniform termasuklah PDRM dan ATM. Penetapan bayaran gaji kepada penjawat awam adalah meliputi elemen untuk makanan, tempat tinggal dan pakaian. Di samping itu, penjawat awam turut menerima imbuhan tetap dan pelbagai jenis elaun termasuklah elaun-elaun yang berasaskan kriteria sara hidup.

NO SOALAN: 36

3. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 pada 20 Disember 2022 telah meluluskan pemberian Kenaikan Gaji Tahunan Tambahan Khas sebanyak RM100 kepada seluruh anggota Perkhidmatan Awam Gred 56 ke bawah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023. Selain itu, Kerajaan juga sentiasa mengkaji permohonan elaun-elaun daripada PDRM dan ATM supaya ia kekal relevan dengan keadaan semasa.
4. Pada masa yang sama, keputusan untuk meningkatkan gaji dan elaun penjawat awam perlu mengambil kira tanggungan dan kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan memansuhkan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) bagi memansuhkan peranan "ejen" dalam proses merekrut pencari kerja tempatan dalam dan luar negara, dan pekerja bukan warganegara sekali gus mengambil alih peranan ejen di bawah Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian **tidak berhasrat untuk memansuhkan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246)** dan **peranan agensi yang sah**. Sebaliknya, Kementerian ketika ini dalam peringkat mengkaji semula untuk **meminda Akta 246** bagi **memperkuatkuahkan urus tadbir Agensi Pekerjaan Swasta** dan **aspek penguatkuasaan** agar selaras dengan *International Labour Organization Convention* (No. 181), *Private Employment Agencies Convention*, 1997.
2. Tujuan utama Akta 246 digubal adalah untuk memantau aktiviti Agensi Pekerjaan Swasta di negara ini. Sehingga 28 Februari 2023, terdapat sebanyak 1,189 buah Agensi Pekerjaan Swasta yang berlesen melibatkan tiga kategori lesen iaitu **lesen A, B dan C**. Semua aktiviti Agensi Pekerjaan Swasta hendaklah mematuhi undang-undang yang ditetapkan Akta 246.
3. Sekiranya Agensi Pekerjaan Swasta gagal menjalankan tanggungjawab dalam proses penempatan pekerja, wang jaminan Agensi Pekerjaan Swasta yang telah didepositkan ke akaun Kerajaan boleh digunakan untuk menjaga kebijakan pekerja seperti menanggung kos penghantaran pulang pekerja tersebut ke negara asal. Manakala, bagi majikan pula, boleh mendapatkan semula bayaran pendahuluan yang telah dibuat.

4. Selain itu, mana-mana Agensi Pekerjaan Swasta yang **menyalahgunakan lesen** boleh dikenakan tindakan undang-undang seperti **penggantungan** atau **pembatalan lesen**. Bagi ejen haram pula, jika disabitkan kesalahan boleh **didenda tidak melebihi RM200,000** atau **penjara tidak melebihi 3 tahun** atau **kedua-duanya** sekali di bawah seksyen **7(2) Akta 246**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 21 MAC 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah faktor utama yang menyumbang kepada kenaikan kadar tambang perkhidmatan "e-hailing" serta usaha Kementerian untuk mengawal kenaikan harga tambang secara mendadak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kadar tambang perkhidmatan *e-hailing* ketika ini adalah dinamik iaitu mengikut kehendak pasaran dan struktur tambang syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan *E-Hailing Operator* (EHO) berdasarkan model perniagaan mereka masing-masing. Secara umumnya, kadar tambang perkhidmatan *e-hailing* ini akan meningkat ketika waktu puncak di mana jumlah permintaan melebihi penawaran perkhidmatan yang disediakan terutamanya di kawasan tumpuan di dalam bandar.
2. Kementerian Pengangkutan telah mengambil beberapa langkah untuk memudahkan orang awam menyertai perkhidmatan *e-hailing* ini termasuk memudahcara proses pengambilan lesen PSV bagi memastikan jumlah kenderaan yang menawarkan perkhidmatan *e-hailing* ini adalah mencukupi terutama pada waktu puncak. Selain itu, kerajaan juga menggalakkan lebih banyak EHO untuk menyediakan platform tempahan perkhidmatan *e-hailing* ini bagi memberikan saingan yang sihat kepada EHO sedia ada.
3. Pada masa ini, terdapat 28 syarikat EHO yang telah didaftarkan di Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dengan jumlah kenderaan sebanyak 101,000 buah kenderaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.
MOHAMED HANIFFA BIN HJ.
ABDULLAH
TARIKH : 21 MAC 2023

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan strategi dan berapakah perbelanjaan yang telah dilaksanakan bagi pemerkasaan program Latihan TVET oleh Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian bagi tahun 2021 dan 2022, serta sejauh manakah impak agenda TVET Kementerian setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia merupakan salah sebuah Kementerian utama yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program TVET di Malaysia. Penglibatan KSM dalam agenda TVET ini dizahirkan melalui ekosistem lengkap TVET yang terdiri daripada komponen kawal selia, penyedia latihan, dan penyedia dana TVET.
2. Bagi memastikan pelaksanaan program TVET adalah selari dengan keperluan semasa dan sebenar industri, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Industry Lead Body secara berterusan menyemak dan menambahbaik *National Occupational Skills Standard* yang digunakan sebagai standard rujukan bagi membangunkan kurikulum latihan. Selain itu, program *Micro Credential* bagi menambahbaik pelaksanaan program modular sedia ada turut diperkenalkan untuk meningkatkan fleksibiliti pelaksanaan latihan dan seterusnya dapat menarik minat lebih ramai golongan sasar untuk menyertai program TVET.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kementerian melalui Jabatan Tenaga Manusia pula terlibat dalam pelaksanaan latihan di 32 buah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia seluruh negara. Kursus-kursus yang ditawarkan diberi penambahbaikan dengan menerapkan elemen-elemen berkaitan Industri 4.0 dan elemen keusahawanan untuk memastikan graduan yang dilatih kompetitif dan relevan dalam pasaran kerja. Pelajar-pelajar dalam sesetengah bidang

turut dilengkапkan dengan persijilan dan kompetensi profesional sebagai tambah nilai yang berpotensi meningkatkan pendapatan mereka.

4. Bagi memperkuuhkan lagi impak transformasi program TVET, Kementerian kini giat meneroka peluang kerjasama melibatkan syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat swasta. Kementerian mensasarkan 50 Memorandum Kerjasama dapat dimuktamadkan dalam tahun 2023. Menerusi Memorandum Kerjasama ini, pihak industri akan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program TVET merangkumi skop pembangunan kurikulum dan bahan latihan, sumbangan dan perkongsian peralatan serta kemudahan, khidmat kepakaran dan pembiayaan program latihan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, program TVET dipacu industri turut diperkasakan melalui pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional. Menerusi ini, perantis akan terlebih dahulu menjalani latihan teori di institusi latihan dan seterusnya dibimbing secara terus oleh jurulatih dengan izin **coach** yang berpengalaman di tempat kerja. Pendekatan ini dilihat sebagai satu mekanisme yang dapat meminimumkan isu ketidaksepadanan (*mismatch*) di kalangan graduan TVET.

6. Pada tahun 2021, KSM telah menerima peruntukan sejumlah **859 Juta** bagi melaksanakan **Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia**. Daripada jumlah peruntukan tersebut, seramai **82,008 pelajar** TVET telah dipersijilkan dan berdasarkan kajian pengesanan graduan TVET Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia, menunjukkan peratus kebolehpasaran graduan adalah 85.9 peratus.

7. Manakala bagi tahun 2022 pula, KSM telah menerima peruntukan sebanyak **820 Juta**, seramai **96,762 pelajar** TVET telah dipersijilkan dan kebolehpasaran graduan TVET pada **88.86 peratus**.
8. Pihak Kementerian Sumber Manusia yakin bahawa strategi dan pendekatan yang dilaksanakan akan meningkatkan pencapaian tersebut pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI
WAN YUSOFF
TARIKH : 21 MAC 2023

DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menaik taraf Jalan Persekutuan 3 Rantau Panjang Kelantan daripada dua lorong kepada empat lorong agar ia sesuai dengan imej jalan utama yang menghubungkan Malaysia dengan Thailand.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, cadangan untuk menaiktaraf jalan Persekutuan FT03 Pasir Mas - Rantau Panjang tiada dalam senarai keutamaan yang diterima daripada Kerajaan Negeri Kelantan untuk Rolling Plan 4 (RP4), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan meneliti sekiranya cadangan projek ini dimohon oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam Rolling Plan RMKe-12 yang akan datang dan akan dipertimbangkan untuk diangkat kepada Agensi Pusat untuk kelulusan, tertakluk kepada kedudukan keutamaan projek dan ketersediaan agihan peruntukan pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN
MOHAMAD
TARIKH : 21 MAC 2023

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mempromosi aspek seni dan budaya Kelantan kepada pelancong luar negara.

JAWAPAN

**YB DATO SRI TIONG KING SING
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) melalui jabatan dan agensinya iaitu Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Tourism Malaysia sentiasa proaktif dalam mempromosikan destinasi pelancongan negara dan berusaha untuk menyokong sektor pelancongan termasuklah melalui pelaksanaan program kesenian dan kebudayaan di negeri Kelantan.
2. MOTAC saling bekerjasama dengan pihak yang berkaitan seperti Kerajaan Negeri Kelantan melalui Exco Pelancongan Negeri Kelantan, Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) dan agensi-agensi pelancongan bagi menjayakan promosi pelancongan berteraskan aspek seni dan budaya Kelantan. MOTAC turut telah bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan pihak swasta di dalam penganjuran program yang diadakan di Kelantan seperti program Majlis Perasmian Pameran Dwi Tahunan Seni Kontemporari Bachok pada 26 Mac 2022, Festival Kesenian Rakyat Kelate yang telah diadakan pada 16 hingga 18 Jun 2022, program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Kelantan 2022 pada 22 hingga 24 Julai 2022 dan juga program Temasya Orang Kampung 2022 pada 21 hingga 23 Oktober 2022. Turut diadakan adalah Program *Familiarisation Trip* (lawatan suaikenal) pengamal media baharu (New Edge media) / *influencer* dan agensi pelancongan ke

produk-produk pelancongan termasuk gastronomi, kraftangan, budaya dan warisan serta *instagrammable spot*.

3. Bagi tahun 2023, antara perancangan program yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

a. Festival Kesenian Rakyat Kelate 2023

Salah satu inisiatif di bawah Program Pelancongan Budaya (*Culture Based Tourism*) untuk mempromosikan pelancongan melalui aktiviti seni budaya Kelantan seperti Dikir Barat, Wayang Kulit, Mak Yong, permainan tradisional, makanan tradisional, adat resam tempatan seperti kenduri rakyat dan gotong royong yang menjadi identiti negeri Kelantan. Program yang akan dilaksanakan di Pantai Geting, Tumpat, Kelantan pada Jun 2023 ini mempamerkan pelbagai kesenian dan kebudayaan rakyat Kelantan melalui pengisian dan aktiviti menarik yang mampu menarik minat pelancong domestik dan antarabangsa.

b. Citra Malaysia: Colours of Malaysia

Sebuah pementasan seni persembahan yang menampilkan keunikan dan kepelbagai seni dan budaya di Malaysia dilaksanakan di seluruh negara termasuk di negeri Kelantan.

c. Program Fam Trip Media Le Figaro Magazine

Program mempromosi produk-produk berteraskan seni dan budaya Kelantan seperti Kayu Kraf, Mak Yong, rumah tradisi dan pembuatan wau akan dilaksanakan pada 20 hingga 21 Mac 2023.

d. Program Fam Trip Bachok Trail 2023

Lawatan produk pelancongan berteraskan seni dan budaya yang bakal memberi impak dalam mempromosikan pelancongan warisan di Bachok, Kelantan dan artisan produk kraftangan yang unik di Kelantan pada bulan Oktober 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN SUSAN CHEMERAJ ANDING
TARIKH : 21 MAC 2023

PUAN SUSAN CHEMERAJ ANDING minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah sistem pendidikan di Malaysia dapat diperbaiki lagi untuk lebih menyediakan murid-murid sebagai tenaga kerja masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan kurikulum yang digubal relevan dengan keadaan semasa serta memenuhi keperluan dan aspirasi negara serta tuntutan global.

Kurikulum merupakan tunjang dalam sistem pendidikan kebangsaan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan sentiasa dijadikan rujukan dalam proses penggubalan dan penyemakan kurikulum di semua peringkat persekolahan. Dalam usaha memperkasakan sistem pendidikan, KPM mengambil kira agenda pendidikan digital, revolusi perindustrian, pendidikan karakter dan kewarganegaraan global yang merupakan trend dalam pembangunan kurikulum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sesi libat urus bersama-sama pihak berkepentingan dijalankan bagi mendapatkan input dan maklumat tentang pelaksanaan kurikulum semasa khususnya dalam aspek kandungan (ilmu pengetahuan) dan pedagogi. Hasil dapatan sesi libat urus tersebut dianalisis dengan terperinci bagi mengenal pasti serta melaksana tindakan susulan yang perlu dilakukan.

Dalam konteks kandungan (ilmu pengetahuan), semakan kandungan mata pelajaran dilaksana seiring dengan keperluan masa kini dan akan datang. Dalam hal ini, analisis keperluan dilaksana bagi menentukan perkembangan terkini bidang ilmu, kedalaman dan keluasan bidang ilmu serta keperluan bagi melaksanakan sesuatu kurikulum baharu.

Di samping itu, dapatan semakan dan penilaian kurikulum akan digunakan untuk mengenal pasti kaedah pedagogi terbaik dengan mengambil kira pendekatan yang bersesuaian mengikut tahap kognitif dan gaya pembelajaran murid.

KPM juga telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) bermula tahun 2012. Perubahan utama dalam TPV adalah penaiktarafan semua sekolah menengah vokasional (SMV) kepada kolej vokasional (KV) yang menawarkan pengajian sehingga peringkat diploma. TPV telah mengubah landskap pendidikan dan latihan teknikal vokasional (TVET) KPM dalam menghasilkan graduan TVET KPM yang berkualiti serta mempunyai kebolehpasaran (employability) yang tinggi untuk memenuhi keperluan revolusi perindustrian. Selain itu, KPM turut memberi penekanan kepada aspek karamah insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti demi hindari gejala negatif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, akses kepada Pendidikan TVET turut diperluaskan di sekolah menengah harian melalui Program Vokasional Menengah Atas (PVMA), Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dan Mata Pelajaran Vokasional (MPV). Pendidikan TVET KPM turut memberi peluang kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di Sekolah Menengah Pendidikan

NO SOALAN: 43

Khas Vokasional (SMPKV) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di SMK untuk mendapatkan kemahiran bagi memenuhi keperluan pasaran kerja.

KPM yakin usaha yang dilakukan ini dapat memastikan kurikulum pendidikan sentiasa relevan dengan perkembangan pendidikan pada masa ini dan masa depan serta dapat menyediakan murid-murid sebagai tenaga kerja masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ
IBRAHIM**
TARIKH : 21 MAC 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sejauh manakah liputan jalur lebar 5G seluruh negara dan bilakah liputan jalur lebar 5G mencapai keseluruhan kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan rangkaian 5G oleh Digital Nasional Berhad (DNB) sedang giat dijalankan mengikut perancangan. Setakat 28 Februari 2023, sebanyak 4,363 tapak daripada 7,509 tapak 5G telah siap dibangunkan oleh DNB di seluruh negara. Dengan jumlah tersebut, ketersediaan rangkaian 5G telah mencapai 54.7% liputan di kawasan berpenduduk [*Coverage of Populated Area (COPA)*]. Jumlah peratusan ini adalah termasuk tapak-tapak pemancar 5G yang telah diaktifkan oleh DNB tetapi belum boleh diakses oleh pengguna kerana syarikat penyedia perkhidmatan masih dalam proses *on-boarding*. Jika dilihat pada tapak 5G yang boleh diakses pengguna sahaja, ketersediaan perkhidmatan 5G berada pada 46.9% liputan di kawasan berpenduduk.

Sehingga 28 Februari 2023, DNB telah menyiapkan 251 tapak daripada sasaran keseluruhan 624 tapak rangkaian 5G di Sabah, meliputi 29.9% kawasan berpenduduk di Sabah. Manakala di Sarawak pula, 227 tapak telah disiapkan daripada 587 tapak rangkaian 5G, yang meliputi 34% liputan di kawasan berpenduduk. Penyediaan rangkaian 5G di Sabah dan Sarawak adalah tidak hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja memandangkan 65% di Sabah dan 66% di Sarawak daripada sasaran keseluruhan tapak rangkaian 5G akan dibangunkan di kawasan separa bandar dan luar bandar.

NO SOALAN: 44

Selain itu, Kerajaan juga sedang mempertimbang teknologi seperti *Broadband Wireless Access*, *Fixed Wireless Access* dan teknologi satelit sebagai sebagai kaedah untuk memastikan capaian internet ke seluruh negara, terutamanya ke kawasan-kawasan berpenduduk di pedalaman dan sangat terpencil yang sukar dicapai melalui infrastruktur 4G atau 5G.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN RITA SARIMAH ANAK
PATRICK INSOL
TARIKH : 21 MAC 2023

PUAN RITA SARIMAH ANAK PATRICK INSOL minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan dan nilai projek yang menggunakan peruntukan kewangan yang diagihkan kepada ahli Parlimen yang sama ada terbengkalai, tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi atau lewat disiapkan bagi dua tahun yang lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sehingga 28 Februari 2023, terdapat sebanyak 32 projek daripada pelbagai kementerian yang dikategorikan lewat di bawah pelaksaan JKR. Daripada jumlah itu, sebanyak 5 projek adalah di bawah peruntukan Kementerian Kerja Raya (KKR) yang melibatkan jumlah projek semasa RM881.4 juta. Sebanyak 2 daripada 5 projek di bawah KKR tersebut dikenakan LAD.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG
TARIKH : 21 MAC 2023

DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah pelan jangka masa panjang yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mempercepatkan penyelesaian masalah banjir pada setiap tempat berisiko tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah merangka pelan jangka panjang bagi mengurangkan impak banjir disebabkan oleh limpahan sungai melalui dua (2) kaedah iaitu Kaedah Bukan Struktur dan Kaedah Struktur.
2. Kaedah Bukan Struktur melibatkan pelaksanaan Kajian Pelan Induk dan Peta Hazard Banjir yang dilaksanakan di kawasan-kawasan dikenalpasti berisiko tinggi. Hasil kajian ini akan dapat menterjemahkan impak dan risiko banjir serta membantu dalam merangka dasar dan strategi pelaksanaan pembangunan bagi pengurusan banjir yang lebih efektif.
3. Bagi Kaedah Struktur melibatkan komponen fizikal seperti pembinaan ban, benteng banjir (*flood wall*), rumah pam dan lain-lain yang berkaitan.
4. Di bawah *Rolling Plan 3* (RP3), Rancangan Malaysia ke-12 (RMke-12), sebanyak 93 projek melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM 11.53 bilion telah diluluskan melibatkan kawasan-kawasan berisiko tinggi dan kerap dilanda banjir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU**
TARIKH : 21 MAC 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan memperincikan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menghentikan penyebaran berita palsu melalui platform media sosial.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) komited dan sentiasa bekerjasama secara kolektif dengan jabatan dan agensi di bawahnya dalam mencegah dan menyekat penularan berita palsu di media sosial bagi menjamin keharmonian dan ketenteraman awam di negara ini.

KKD melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menerbitkan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia (Kod Kandungan) di bawah Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) yang menggariskan amalan terbaik dan piawaian etika untuk penciptaan dan penyusunan kandungan dan merupakan rujukan utama bagi pemain industri termasuk para penyiar, pencipta kandungan, pengiklan, *influencer* media sosial dan juga pengguna. Langkah-langkah yang diambil oleh KKD bagi mengekang penyebaran berita palsu melalui platform media sosial adalah seperti berikut:

- (i) Penguatkuasaan undang-undang di bawah perundangan sedia ada seperti Seksyen 505 Kanun Keseksaan [Akta 574] dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588];
- (ii) Kolaborasi dengan pihak platform media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Google* dan lain-lain sentiasa diperkuuh dan diperkasakan terutamanya dalam usaha menurun atau memadamkan kandungan yang menyalahi peruntukan undang-undang sedia ada. Dari tahun 2021 sehingga Januari 2023, sebanyak 458 kandungan meliputi berita dan

kandungan palsu telah diturunkan di platform media sosial. Ini selari dengan piawaian komuniti yang ditetapkan oleh pihak platform media sosial yang berpangkalan di luar negara;

- (iii) Portal Sebenarnya.my yang diwujudkan oleh SKMM dan portal mycheck.my oleh BERNAMA membantu dalam memberikan maklumat atau peringatan bagi memupuk kewaspadaan orang ramai terhadap aktiviti penipuan dan cubaan penipuan dalam talian. Sejak pelancarannya sehingga 31 Januari 2023, portal Sebenarnya.my secara purata telah menerima 4.5 juta “hits” setiap bulan dan sebanyak 1,226 artikel berhubung berita palsu telah pun diterbitkan di portal Sebenarnya.my dalam tempoh yang sama. Secara purata portal mycheck.my telah menerima hampir 30,000 pageviews setiap bulan;
- (iv) Program advokasi sedia ada seperti Klik Dengan Bijak (KDB) dan *Malaysia ICT Volunteer* (MIV) bagi mempromosikan penggunaan Internet secara berhemah dan bertanggungjawab bagi mengelakkan penyalahgunaan media sosial;
- (v) *Task Force Menangani Berita Palsu* berfungsi memantau berita palsu yang mempunyai kesan negatif terhadap sistem politik, ekonomi, sosial, agama, budaya, keselamatan dan kedaulatan negara. Sejak penubuhan *Task Force*, KKD telah mengesan sebanyak 104 berita yang tidak ditentukan kesahihannya yang melibatkan isu 3R (*Royalty, Religion* dan *Race*) dan YAB Perdana Menteri serta Pentadbiran;

- (vi) Perkongsian maklumat secara berterusan di semua platform media sosial rasmi Jabatan Penerangan (JaPen), Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan BERNAMA untuk mendidik masyarakat supaya sentiasa bertanggungjawab dalam memastikan kesahihan maklumat yang diterima. Dengan cara ini, rantaian berita palsu akan dapat diputuskan dan tidak akan disebarluaskan; dan
- (vii) Penerbitan Pesanan Khidmat Awam (PKA) berkaitan isu fitnah dan berita palsu diterbitkan oleh FINAS berdurasi satu minit bertajuk ‘Cegah Berita Palsu’ ditayangkan di semua stesen televisyen tempatan mulai 31 Disember 2022 selama setahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW

TARIKH

21 MAC 2023

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menurunkan kuasa melantik semua ahli Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman kepada Ketua Hakim selaras dengan prinsip pemisahan kuasa dan mengelakkan Suruhanjaya ini daripada dipolitikkan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kuasa melantik semua ahli Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman adalah sepetimana seksyen 5(1) Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695]. Subseksyen 5(1)(a-d) Akta 695 menetapkan keanggotaan Suruhanjaya terdiri daripada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.

2. Sementara itu, subseksyen 5(1)(e) dan (f) Akta 695 menetapkan keanggotaan Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada seorang Hakim Mahkamah Persekutuan dan empat orang terkemuka yang bukan merupakan anggota eksekutif atau perkhidmatan awam yang dilantik oleh Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH
SUFFIAN
TARIKH : 21 MAC 2023

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan untuk mengurangkan bebanan guru yang dikatakan banyak meluangkan masa untuk "clerical works" supaya masa guru dapat dimaksimumkan untuk proses pembelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus komited untuk melaksanakan usaha penyelesaian terbaik dalam menjamin kesejahteraan guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyemak semula tugas dan tanggungjawab guru dengan melaksanakan penambahbaikan ke atas fungsi pengurusan di sekolah melalui pewujudan Modul Tadbir Urus Sekolah (MySG) yang diperkenalkan pada tahun 2021. MySG menjelaskan dengan lebih terperinci empat komponen pengurusan sekolah, iaitu Pengurusan dan Pentadbiran, Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum.

Terkini, KPM telah bersetuju untuk melaksanakan tujuh langkah segera bagi memastikan isu beban tugas guru dapat ditangani seperti yang dimaklumkan dalam Kenyataan Media KPM: Pelaksanaan Langkah Segera Ke Arah Kesejahteraan Guru bertarikh 17 Februari 2023. Tujuh langkah tersebut adalah:

- i. mengeluarkan pemakluman Pemansuhan Pertandingan, Sambutan atau Majlis di Semua Peringkat yang Tidak Memberi Impak Besar Terhadap Pembelajaran Murid di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 15 Mac 2023;

- ii. mengeluarkan Pemakluman Pelaksanaan Penilaian Kendiri Sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Tahun 2023 bertarikh 3 Mac 2023. Berdasarkan surat pemakluman tersebut, pelaksanaan semakan elemen pengurusan sekolah dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia versi baharu akan dilaksanakan setahun sekali sahaja;
- iii. mengeluarkan pemakluman Perekodan Waktu Kehadiran Murid dalam Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 13 Mac 2023 berkaitan penetapan waktu mengunci masuk rekod kehadiran murid ke dalam sistem eKehadiran yang lebih fleksibel kepada guru iaitu 12 tengah hari untuk sesi pagi dan 5 petang untuk sesi petang;
- iv. mengeluarkan pemakluman Pelantikan Pengawas Peperiksaan Awam Kendalian Lembaga Peperiksaan pada 15 Mac 2023. Berdasarkan surat pemakluman tersebut, pelantikan pegawas peperiksaan awam yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia terbuka kepada individu selain guru yang sedang berkhidmat seperti pesara kerajaan, pelajar institut pendidikan guru (IPG) dan institut pendidikan tinggi (IPT) berdasarkan kriteria yang ditetapkan;
- v. mengeluarkan Pemakluman Berhubung Pelaksanaan Sambutan Hari Guru Tahunan Peringkat Kebangsaan dan Sekolah bertarikh 15 Mac 2023. Berdasarkan surat pemakluman tersebut, sambutan Hari Guru tahunan dihadkan kepada peringkat kebangsaan dan sekolah sahaja;

- vi. mengeluarkan Pemakluman Terhadap Pematuhan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran bertarikh 3 Mac 2023. Berdasarkan surat pemakluman tersebut, guru perlu menyediakan ringkasan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang merangkumi elemen objektif, pengajaran dan refleksi; dan
- vii. memperkuuh autonomi guru dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pentaksiran bilik darjah (PBD) dengan menjadikan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sebagai rujukan.

KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru akan terus meneliti inisiatif yang boleh membantu meringankan beban tugas guru melalui perbincangan berterusan dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB).

KPM sentiasa memastikan kesejahteraan guru dengan pelaksanaan usaha yang berterusan dalam mengurangkan beban tugas guru.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUING JELUING
TARIKH : 21 MAC 2023

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan harga barang keperluan makanan sama di bandar dan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan harga barang keperluan makanan sama di bandar dan di luar bandar, Kerajaan telah melaksanakan Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* (Program Penyeragaman Harga). Program ini telah dilaksanakan mulai tahun 2009 bagi menanggung kos pengangkutan yang tinggi bagi tujuh (7) barang bersubsidi/kawalan dari pembekal ke kawasan-kawasan pedalaman di enam (6) negeri iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak. Tujuh (7) jenis barang yang terlibat ialah beras putih, gula putih bertapis kasar, tepung gandum, minyak masak sawit tulen (paket 1 kg), gas petroleum cecair (LPG), petrol RON 95 dan diesel.

Melalui program ini, Kerajaan menanggung kos pengangkutan bagi barang-barang tersebut daripada pembekal sehingga ke *Point of Sales* (POS) ke kawasan pengedaran di pedalaman. Impak positif program ini adalah dapat membantu meringankan bebanan kos sara hidup penduduk di kawasan pengedaran terpilih serta memudahkan penduduk mendapatkan bekalan dan penduduk juga dapat membeli 7 (tujuh) bekalan barang keperluan pada harga yang sama seperti di bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI
ATAN
TARIKH : 21 MAC 2023

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tahap penerimaan industri terhadap pelaksanaan dan penguatkuasaan pindaan Akta Kerja 1955 yang melibatkan perkara seperti pengurangan tempoh bekerja 48 jam kepada 45 jam seminggu, penambahan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 98 hari, dan kenaikan cuti paterniti daripada tiga hari kepada tujuh hari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Kerja 1955 [Pindaan 2022] telah diwartakan pada 10 Mei 2022 dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2023. Dalam tempoh pewartaan dan tarikh kuatkuasanya pindaan Akta ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia giat **mengadakan libat urus** dengan **pemegang taruh** bagi memastikan semua pihak berkaitan memahami dan bersedia dengan pelaksanaan pindaan akta tersebut.
2. Sebanyak **87 program libat urus** telah diadakan yang melibatkan **7,177 peserta** terdiri daripada **majikan, kesatuan sekerja majikan, kesatuan sekerja pekerja, persatuan majikan dan persatuan pekerja**. Susulan itu, Kementerian mendapati tahap **penerimaan majikan** terhadap pindaan Akta ini **adalah memberangsangkan berdasarkan penglibatan pihak mereka di program libat urus tersebut**.
3. Pada masa yang sama, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia turut menjalankan pemeriksaan berkanun **terhadap majikan** bagi **memastikan pematuhan undang – undang perburuhan** terutamanya melibatkan pindaan yang terkini. Sehingga **Februari 2023**, sebanyak **5,352 pemeriksaan berkanun** telah dijalankan dan **732 syor pematuhan telah dikeluarkan** atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 21 MAC 2023

DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah pengedaran dadah yang beroperasi seperti sindiket 'Mafia' dan adakah agensi penguasa dibekalkan dengan dron dan alat yang lebih canggih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) khususnya telah mempunyai beberapa strategi yang komprehensif dalam menangani isu pengedaran dadah antaranya adalah:

1. Perkongsian maklumat penyeludupan/pengedaran dadah serta jenayah berat lain antara jabatan di PDRM dan agensi penguatkuasa secara bijaksana dan integrasi;
2. Kolaborasi serta operasi bersepadu agensi penguatkuasaan dalam tindakan menghapuskan aktiviti /masalah dadah;
3. Bertukar-tukar kepakaran dan kemahiran dalam penguatkuasaan undang-undang dadah dan jenayah-jenayah berat lain;
4. Kerjasama di peringkat antarabangsa dan rantau secara bilateral dalam menangani isu pengedaran dan penyeludupan dadah yang mempunyai perkaitan dengan jenayah berat; dan
5. Penggunaan aset keselamatan yang lebih canggih dan terkini seperti dron berkuasa tinggi bagi memantapkan lagi penugasan agar keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK

TARIKH : 21 MAC 2023

TUAN AK NAN A/L EHTOOK minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pekeliling ikhtisas Bil. 1/2009 (11 Mac 2009) yang membenarkan murid bukan warganegara untuk bersekolah masih terpakai dan semua guru besar dan pengetua mematuhi matuhinya. Bagaimanakah cara untuk ibu bapa mendapatkan remedii jika ada guru besar/pengetua yang didapati tidak mematuhi pekeliling tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 1 Tahun 2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah bertarikh 11 Mac 2009 merupakan dokumen rujukan bagi penerimaan masuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan atau tanpa dokumen pengenalan diri ke sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Berdasarkan SPI tersebut, syarat kemasukan kanak-kanak berkenaan ke sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan adalah tertakluk kepada salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara Malaysia. Di samping itu, surat pengesahan atau surat perakuan bahawa kanak-kanak tersebut adalah anak kepada ibu atau bapa warganegara Malaysia perlu diperolehi daripada ketua kampung.

Permohonan kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan boleh dibuat melalui jabatan pendidikan negeri (JPN) atau pejabat pendidikan daerah (PPD). Ibu atau bapa kanak-kanak yang bertaraf warganegara Malaysia perlu mengisi borang yang disediakan (borang MWTD/SPI.1/2009), surat perakuan/surat pengesahan Ketua Kampung (borang MWTD/PKK) dan menyertakan salinan kad pengenalan mereka. Penempatan kanak-kanak berkenaan ke sekolah akan dibuat serta merta jika borang dan dokumen yang lengkap diberikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, SPI Bil.1/2009 ini masih terpakai sehingga kini dan semua guru besar dan pengetua hendaklah mematuuhinya. Sekiranya terdapat sebarang masalah berkaitan proses permohonan kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen ke sekolah, ibu atau bapa kanak-kanak berkenaan boleh merujuk kepada pihak JPN atau PPD yang terdekat untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN ROS SURYANI BINTI ALANG
TARIKH : 21 MAC 2023

DATIN ROS SURYANI BINTI ALANG minta **MENTERI KESIHATAN** mengulas mengenai isu penularan varian baru COVID-19 pada masa sekarang. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam tempoh jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi mengekang penularan wabak ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wabak COVID-19 telah bersama kita selama hampir empat (4) tahun. Namun demikian, risiko jangkitan COVID-19 masih boleh berlaku apabila beberapa kelonggaran langkah kesihatan awam dilaksanakan – seperti aktiviti perhimpunan ramai dibenarkan, pengoperasian penuh sektor ekonomi dan kelonggaran pemakaian pelitup muka, selain pembukaan semula sempadan antarabangsa negara. KKM sentiasa memantau situasi COVID-19 dan bersiap siaga bagi mengekang penularan wabak COVID-19 termasuk varian-varian baharu.

2. Antara langkah jangka masa pendek yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengekang penularan wabak termasuk varian baru ialah dengan:
 - (i) meningkatkan peratusan individu yang layak menerima vaksin dos penggalak bagi mengurangkan penularan jangkitan, jangkitan serius serta kematian.

 - (ii) mengukuhkan pengurusan COVID-19 melalui pendigitalan pengurusan kesihatan. Perkara ini dilaksanakan melalui pendekatan *FTTIS (Find, Test, Trace, Isolate and Support)* yang diautomasikan.

NO SOALAN: 54

- (iii) memastikan semua klinik kesihatan dan hospital bersedia menerima kedatangan yang tinggi bagi membuat penilaian terhadap pesakit yang disahkan positif jangkitan COVID-19.
- (iv) melaksanakan pemberian ubat antiviral Paxlovid® kepada kumpulan pesakit COVID-19 yang berisiko tinggi di Klinik Kesihatan, COVID-19 Assesment Centre (CAC), hospital kerajaan, dan fasiliti kesihatan swasta yang dikenal pasti, bagi memastikan akses yang lebih baik kepada pesakit.
- (v) melaksanakan aktiviti surveilans melibatkan lokasi sentinel *influenza-like illness* (ILI) dan *severe acute respiratory infection* (SARI) serta persampelan air kumbahan dari lokasi yang dikenal pasti di seluruh negara. Aktiviti surveilans turut disokong dengan aktiviti penjajaran genom (*Whole Genome Sequencing*, WGS) bagi mengesan varian baharu COVID-19.
- (vi) menggerakkan pasukan kesihatan mental dan sokongan psikososial (MHPSS) di peringkat negeri dan daerah bagi memberikan perkhidmatan sokongan kesihatan mental dan emosi kepada individu serta anggota keluarga serta petugas kesihatan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

(vii) menggerakkan inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) di semua peringkat. MyCHAMPION atau *Malaysian Health Community Agent* merupakan satu platform kolaborasi merentas pelbagai kementerian, organisasi sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan sebagai rakan strategik. Inisiatif ini berperanan membantu KKM dalam advokasi aktiviti kesihatan di peringkat komuniti.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Bagi mengekang penularan wabak COVID-19 dalam tempoh jangka masa panjang pula, langkah-langkah berikut diambil iaitu:

- (i) melaksanakan pembinaan Pusat Kawalan Penyakit Negara yang setaraf dengan *Centre for Diseases Control and Prevention, Amerika Syarikat* dan di negara-negara lain seperti di Taiwan serta China.
- (ii) penglibatan Malaysia dengan agensi antarabangsa bagi menghadapi masalah kesihatan awam dan pandemik pada masa hadapan melalui beberapa inisiatif yang sedang dilaksanakan di peringkat WHO, antaranya meliputi:
 - a. pengukuhan pelaksanaan *International Health Regulations* (IHR) 2005 melalui pindaan secara bersasar terhadap instrumen ini; dan

- b. usaha untuk merangka dan merundingkan suatu WHO *Convention, Agreement or Other International Instrument on Pandemic Prevention, Preparedness and Response.*
- (iii) memastikan strategi yang diguna pakai dalam menguruskan pandemik dapat mengawal jangkitan COVID-19 dan sekaligus tidak membebankan rakyat iaitu selaras dengan pendekatan yang digariskan oleh WHO melalui *Guidance for Conducting A Country COVID-19 Intra Action Review (IAR)* dengan objektif berikut:
- a. memastikan tindakan yang diambil dalam menangani COVID-19 adalah amalan semasa yang terbaik, serta mengenal pasti jurang (*gaps*) dan pelajaran yang diperoleh;
 - b. mencadangkan tindakan pembetulan yang bersesuaian untuk menambah baik dan mengukuhkan tindak balas yang berterusan kepada COVID-19; dan
 - c. hasil penemuan dan cadangan yang diperolehi seterusnya dapat menyumbang kepada keberkesanan pengurusan kecemasan kesihatan awam dan juga keselamatan kesihatan untuk jangka panjang di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN
TARIKH : 21 MAC 2023

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini jumlah pusat penjagaan warga emas Kerajaan di seluruh negara dan berapakah lagi pusat-pusat penjagaan warga emas akan dibangunkan pada tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat Jagaan Warga Emas kendalian kerajaan dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan (RSK) dan juga Rumah Ehsan (RE). Terdapat 10 buah Rumah Seri Kenangan yang dapat menampung kapasiti penghuni seramai 1,640 orang serta 2 buah Rumah Ehsan yang berkapasiti 255 orang seperti berikut:

BIL.	INSTITUSI	KAPASITI
1.	RSK Kangar	140
2.	RSK Taiping	200
3.	RSK Ulu Kinta	200
4.	RSK Cheras	250
5.	RSK Seremban	250
6.	RSK Cheng	250
7.	RSK Taman Kemumin	150
8.	RSK Seri Iskandar	200
9.	RSK Bedong	250
10.	RSK Johor Bahru	200
JUMLAH		1,640
1.	RE Kuala Kubu Bharu	135
2.	RE Dungun	120
JUMLAH		255

Bagi tahun 2023, satu (1) projek bina baharu Kompleks Ehsan, Slim River di Perak akan bermula dan dijangka siap pada tahun 2027.

Sekian, terima kasih.